

Kesilapan Aplikasi Gender Gramatikal dalam Menstruktur Ayat Bahasa Sepanyol

Mariyati Haji Mohd Nor*, Norul Haida Reduzan, Shahril Ismail
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
*E-mel Pertanyaan: mariyati@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu analisis kesilapan penggunaan gender gramatikal yang dilakukan oleh pelajar ketika menstruktur ayat dalam penulisan bahasa Sepanyol. Seramai 30 pelajar yang mengambil Kursus Elektif Bahasa Sepanyol Komunikasi Tahap I (Asas) di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih. Pelajar terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Pelajar dikehendaki menulis satu esei pendek mengenai diri sendiri dan masa diberikan selama 45 minit bagi menguji kefahaman dan aplikasi gender gramatikal dalam bahasa Sepanyol. Kepelbagaian bahasa pelajar dan kecekapan BS yang rendah dapat menyumbang kepelbagaian jenis kesilapan yang dilakukan. Kajian ini akan menggunakan Surface Strategy Taxonomy oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982). Hasil kajian menunjukkan pelajar mempamerkan kefahaman yang minimum terhadap gender yang dikaitkan dengan kata adjektif dan mengalami kesukaran untuk menghubungkan kata nama dengan artikel dan kata adjektif yang bersesuaian, terutamanya apabila ia melibatkan (objek) kata nama tidak bernyawa. Pengkaji mendapati kesilapan pemilihan, pengurangan, penambahan dan terjemahan yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan oleh ketidakpekaan dan ketidakfahaman mereka tentang unsur gender dan aplikasinya. Kekeliruan juga berlaku akibat pengaruh daripada bahasa ibunda (B1) dan bahasa kedua (B2) pelajar yang tidak mempunyai langsung unsur gender gramatikal. Perbezaan inilah yang menyebabkan pelajar Malaysia mempunyai kesukaran untuk memahirkkan diri mereka dalam usaha menggunakan gender gramatikal yang sesuai ketika menstruktur ayat dalam bahasa Sepanyol.

Kata kunci: Kesilapan, gender gramatikal bahasa Sepanyol, proses menstruktur ayat, aplikasi, Surface Strategi Taxonomy

Errors In The Application Of Grammatical Gender In Constructing Sentences In Spanish

Abstract

This study is an errors analysis on the use of gender grammatical made by the students when structuring sentences in Spanish. A total of 30 students taking Spanish Communication Level I (Basic) as a elective course at Universiti Pendidikan Sultan Idris have been selected. The students are Malay, Chinese and Indian. Students were asked to write a short essay about themselves and the time given is 45 minutes to examine their sensitivity to gender cues and their ability to apply the grammatical gender in Spanish. The diversity of the learners languages and basic proficiency of spanish can contribute different types of errors committed. This study will use the Surface Strategy Taxonomy by Dulay, Burt and Krashen (1982). The results showed that the students exhibited a low degree of awareness of gender associations to adjectives. and had difficulties in correlating the noun with an adjective, especially when it involve inanimate objects. The researchers

found misselection, omission, addition and translation of errors done by the students were caused to their insensitivity and misunderstanding about the gender and its application. The confusion also occurs due to the influence of the mother tongue (B1) and the second language (B2) who don't have the feature of grammatical gender. The difference had caused difficulties among Malaysian students to improve themselves in order to use an appropriate grammatical gender when structuring sentences in Spanish.

Keywords: Error, Spanish grammatical gender, Sentence structuring process, application, surface strategy taxonomy

Pengenalan

Gender gramatikal adalah aspek tatabahasa yang Vygotsky (1962) rujuk sebagai sifat semulajadi kata nama dan merupakan fungsi utama dalam aspek morfologi dan sintaksis (Chomsky, 1965; Martinet, 1960). Dalam pelbagai bahasa, gender gramatikal membezakan kata nama dalam dua atau lebih kelas mengikut kepada ubah suaian morfologi dan sintaksis iaitu merujuk kepada penyesuaian perkataan yang dikaitkan dengannya (Trask, 1997). Asmah (2008) mengatakan gender dalam nahu merupakan konsep yang ada pertindihan dengan jantina, tetapi tidak seluruhnya. Gender merujuk kepada kategori nahu iaitu memasukkan rujukan kepada lelaki/jantan dalam kategori maskulin, kepada perempuan/betina dalam kategori feminin. Berbeza dengan gender natural, gender gramatikal mempunyai ciri-ciri sistem \ formal (Konishi, 1993), di mana setiap kata nama diletakkan dalam kelas kata tertentu (Lyons, 1968). Bahasa Sepanyol seperti juga bahasa Jerman, Itali, Perancis mempunyai gender gramatikal. Setiap kata nama mesti tergolong dalam kelas gramatikal samada maskulin atau feminin. Bagi kata nama makhluk bernyawa seperti manusia dan binatang ianya agak mudah dikelaskan dalam gender natural bergantung kepada jantina, namun, pengkelasan untuk objek tidak bernyawa seperti meja, rumah, hari, dan sebagainya adalah arbitari dan tidak boleh dijelaskan serta tiada kaedah atau peraturan yang boleh menentukan kenapa sesuatu kata nama itu maskulin atau feminin (Hazlina, 2013). Kata nama yang sama boleh mempunyai gender yang berbeza dalam bahasa yang lain. Sebagai contoh, moon 'bulan' adalah maskulin dalam bahasa Jerman, feminin dalam bahasa Sepanyol dan Perancis dan neuter dalam bahasa Greek (Holmes&Segui, 2006). Terdapat bahasa yang mempunyai dua kategori gender seperti bahasa Sepanyol dan ada yang mempunyai dua atau lebih (Corbett, 1999).

Gender Gramatikal dalam Bahasa Sepanyol (BS)

Dalam pembelajaran BS sebagai bahasa asing, gender gramatikal merupakan salah satu struktur bahasa yang mencabar pemahaman pelajar dalam menguasai bahasa ini. Menurut Scherag, et al.(2004) kesulitan ini bukan sahaja dalam kalangan pelajar bahasa kedua/asing tahap novis tetapi juga kepada pelajar tahap "Advance" yang mempelajari bahasa kedua. BS mempunyai sistem gender gramatikal yang dicerminkan melalui sistem morfologi dan sintaksis. Setiap perkataan dikelaskan dalam gender natural atau gender gramatikal melalui satu siri peraturan tatabahasa yang tertentu tanpa pengecualian. Dalam beberapa keadaan, gender digambarkan berdasarkan kategori leksikal, sebagai contoh kata nama merujuk kepada orang atau binatang, ia akan menjadi maskulin atau feminin (Konishi, 1993). El hombre "lelaki itu" dan la mujer "perempuan itu". 'El' merujuk kepada artikel yang hadir bersama dengan kata nama maskulin dan "la" untuk kata nama feminin. Perbezaan antara kategori yang menunjukkan gender dalam BS, boleh dilihat dari segi penggunaan artikel *el, la, los, las* pada kata nama. Misalnya, *la mesa* (feminin) yang bermakna 'meja itu', *el boligrafo* (maskulin) yang bermakna 'pen itu' (Mariyati, 2015).

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

Pelajar merujuk kepada morfem akhiran sesuatu kata nama bagi menentukan gender. Morfem akhiran 'o' untuk maskulin dan 'a' untuk feminin. Terdapat 99.7% kata nama yang berakhir dengan 'o' adalah maskulin, 99.2% dan 98.9% kata nama yang berakhir dengan 'a' adalah feminin. (Dawson, et al, 2004). Peratus ini menunjukkan ada pengecualian bagi perkataan lain yang berakhir dengan morfem akhiran selain 'o' dan 'a'. Perkataan tersebut adalah seperti el lapiz 'pensil itu' dan la vez 'masa itu' yang berakhir dengan -z tetapi boleh tergolong dalam gender maskulin dan feminin. Begitu juga dengan perkataan el cafe 'kopi itu' dan la clase 'kelas itu'. Perkataan yang berakhir dengan morfem 'a' seperti el problema 'masalah itu', el tema 'tema itu', el dia 'hari itu', el sistema 'sistem itu' merupakan kata nama maskulin. Manakala perkataan seperti la mano 'tangan itu', la foto 'foto itu', la moto 'moto itu' berakhir dengan 'o' adalah feminin. Dalam kes seterusnya perkataan seperti 'agua' iaitu air yang dikategorikan sebagai feminin namun apabila ia digunakan dengan artikel 'la' ianya adalah salah atas sebab fonologi dan menjadi 'el agua' dan bukan 'la agua'. Hal ini menambah kekeliruan kepada para pelajar dan pelajar sering kali melakukan kesilapan dalam menggunakan gender gramatikal ini (Martinez, 2010).

Manakala dari aspek sintaksis pula, ayat yang menggunakan adjektif sebagai penerang kata nama seperti *El gato es pequeño* bermaksud '**kucing jantan itu kecil**' merujuk kepada kata nama bergender natural iaitu maskulin. Tetapi sekiranya kata adjektif yang digunakan merupakan kata nama feminin, ayat yang terhasil seperti berikut *La gata es pequeña*. **Gata** adalah '**kucing betina**' yang merupakan gender natural feminin, dan kata adjektif feminin **pequeña** digunakan. Morfem infleksi 'o' harus diubah kepada 'a'. Manakala dalam bahasa ibunda kita iaitu bahasa Melayu (BM), kata adjektif 'kecil' yang digunakan dalam ayat tidak dipengaruhi oleh gender 'subjek' yang dirujuk. Hal ini kerana kata adjektif dalam BM tidak mempunyai penggolongan jantina seperti BS, dan kata adjektif ini bebas digunakan tanpa perlu mengalami perubahan bentuk perkataan (Mariyati, 2015). Kata adjektif '**kecil**' digunakan untuk menerangkan kata nama bernyawa juga digunakan pada objek tidak bernyawa seperti '**kerusi itu kecil**'. Jadual 1 menunjukkan perbezaan bentuk kata adjektif berdasarkan gender natural dan gramatikal dalam BS dan BM.

Jadual 1:

Bentuk Kata Adjektif Berdasarkan Gender natural dan gender gramatikal dalam BS dan BM

BS (objek bernyawa)	BM
Bentuk tunggal (Maskulin)	Bentuk Tunggal (Maskulin)
<i>El gato es pequeño</i> 'kucing jantan itu adalah kecil'	Kucing jantan itu adalah kecil
Bentuk tunggal (Feminin)	Bentuk Tunggal (Feminin)
<i>La gata es pequeña</i> 'kucing betina itu adalah kecil'	Kucing betina itu adalah kecil

BS (objek tidak bernyawa)	BM
Bentuk tunggal (Maskulin)	Bentuk Tunggal (Maskulin)
<i>El calendario es pequeño</i> 'kamus itu adalah kecil'	kalendar itu adalah kecil
Bentuk tunggal (Feminin)	Bentuk Tunggal (Feminin)
<i>La silla es pequeña</i> 'kerusi itu adalah kecil'	kerusi itu adalah kecil

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

Kekeliruan timbul dalam kalangan pelajar untuk memahami sistem gender gramatikal dalam BS apabila pelajar tidak dapat memadankan kata adjektif yang sesuai dengan gender kata nama. Hal ini menyebabkan ayat yang dihasilkan tidak gramatis dan tidak tepat. Adjektif dengan morfem infleksi seperti 'o' dan 'a' digunakan untuk menerangkan kata nama seperti 'la silla es pequeña' 'kerusi itu adalah kecil' dan 'el calendario es pequeño' 'kalender itu adalah kecil' harus ditukar bagi membezakan gender kata nama. Pelajar BS mempunyai bahasa pertama yang tidak mempunyai sistem gender gramatikal menganggap pemberian gender kepada semua pengubah kata dalam ayat sebagai berlebihan dan boleh mengakibatkan kesilapan (Martinez, 2010). Dalam BS juga, wujud bentuk kata adjektif yang tidak perlu diubah bagi menerangkan kata nama (bernyawa dan tidak bernyawa). Contoh ayat adalah seperti berikut:

Jadual 2

Bentuk Kata Adjektif Yang Tidak Berubah Dari Segi Gender natural dan gramatikal

Item	Maskulin	Feminin
1.	<i>Mi padre es grande</i> Ayah saya ialah seorang yang besar	<i>Mi madre es grande</i> Ibu saya ialah seorang yang besar
2.	<i>El libro es grande</i> buku itu adalah besar	<i>La puerta es grande</i> pintu itu adalah besar

Perbezaan inilah yang menyebabkan pelajar sering kali mengalami kekeliruan dan kesukaran untuk menguasai BS dengan baik dan tidak dapat menghasilkan ayat gramatis serta sesuai melibatkan penggunaan gender gramatikal. Masalah ini bukan sahaja berpunca daripada sistem BS yang berbeza daripada bahasa ibunda pelajar tetapi pengaruh juga datang daripada bahasa kedua pelajar iaitu bahasa Inggeris. Kesilapan kerap kali berlaku lebih lebih lagi dalam penulisan esei pelajar dan hal inilah yang mendorong pengkaji untuk mengenal pasti kesilapan berkaitan dengan penggunaan gender gramatikal dan seterusnya memberi cadangan bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut dan membantu meningkatkan proses pembelajaran BS.

Objektif Kajian

Kajian ini secara amnya akan menganalisis kesilapan penggunaan gender gramatikal yang dilakukan oleh pelajar dalam menstruktur ayat BS.

Persoalan Kajian

Apakah jenis kesilapan gender gramatikal yang dilakukan oleh pelajar dalam menstruktur ayat bahasa Sepanyol

Teori

Teori yang diguna dalam kajian ini adalah Teori Surface Strategy Taxonomy oleh Dulay, Burt and Krashen (1982). Bagi mengidentifikasi kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, Burt dan Kiparski (1972) terlebih dahulu mengembangkan taksonomi kategori linguistik (linguistic category taxonomy) untuk mengklasifikasikan ribuan kesilapan yang dilakukan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa yang sedang belajar bahasa Inggeris di negara asing atau di lingkungannya sendiri. Salah satu modelnya adalah taxonomi strategi luaran (surface strategy taxonomy) yang terdapat dalam Dulay, Burt dan Krashen

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

(1982). Taxonomi strategi luaran menganalisis bagaimana struktur permukaan sesuatu ayat atau perkataan diubah oleh pelajar dengan cara:

1. Melakukan pengurangan
2. Melakukan penambahan
3. Melakukan/ memilih bentuk yang salah
4. Melakukan kesalahan menyusun

Terdapat elemen luaran yang diubah oleh pembelajar iaitu para pelajar secara sistematik dan spesifik hasil daripada penemuan oleh para penyelidik. Beberapa kesilapan umum yang ditemui dalam penulisan para pembelajar bahasa asing adalah:

Penambahan

Kesilapan penambahan dalam teori ini adalah hasil dari penggunaan secara berleluasa peraturan tertentu dan kerana kegagalan dalam menghilangkan salah satu bahagian dalam linguistik. Dalam bahasa Inggeris, ciri semantik dalam ayat yang menggunakan kata kerja kala lampau iaitu *past tense* ditandai dengan perubahan kata kerja. Tetapi apabila kata kerja bantu *did/didn't* maka kata kerja harus kembali seperti kata kerja pertama.

Regularisasi

Kesilapan ini juga termasuk dalam kategori kesilapan penambahan, iaitu kesilapan terlepas pandang, pengecualian dan juga mengaplikasikan peraturan pada domain di mana peraturan tersebut tidak sepatutnya diaplikasikan. Suatu kaedah yang khusus diterapkan secara umum pada bentuk kata kerja mahupun kata nama. Kata kerja bagi perkataan bahasa Inggeris **listen** dan **talk** akan berubah menjadi **listened** dan **talked**. Tetapi kata kerja **eat** apabila diubah menjadi bentuk lampau tidak menjadi **eated** tetapi **ate**. Kata nama **sheep** tetap **sheep** dalam bentuk jamak, bukan **sheeps**. **Sheeps** dan **eated** adalah bentuk kata yang telah mengalami regularisasi.

Penyusunan

Kesilapan ini berlaku apabila pelajar tidak dapat meletakkan morfem atau kata dalam ujaran dengan betul dan tepat. Contohnya ***She is all the time late*** (seharusnya ***She is late all the time***)

Kesilapan Interlingual

Kesilapan ini berlaku kerana pengaruh daripada bahasa pertama pelajar. Pelajar cenderung untuk memindahkan struktur bahasa pertama ke dalam bahasa sasaran. Dulay, burt dan Krashen (1982) memberi contoh ayat ***the man skinny*** yang dihasilkan oleh seorang penutur asli bahasa Sepanyol yang sedang belajar bahasa Inggeris. Ayat tersebut adalah merupakan terjemahan secara terus dari bahasa pelajar iaitu bahasa Sepanyol ***el hombre flaco***.

Metodologi

Seramai 30 pelajar yang mengambil Kursus Elektif Bahasa Sepanyol (BS) Komunikasi

Tahap I (Asas) di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih. Pelajar terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Kajian ini juga tidak mengambil kira gender, bangsa, program dan bahasa pertama para pelajar. Kajian ini juga hanya menganalisis kesilapan melibatkan gender gramatikal dalam ayat yang dihasilkan pelajar dan kesilapan nahu yang lain tidak akan dianalisis. Pelajar tahap novis dipilih kerana bersesuaian dengan reka

bentuk kajian ini yang bertujuan untuk menjelaskan masalah dan kesilapan dalam penggunaan gender gramatikal semasa menstruktur ayat dalam BS. Esei pendek pelajar bertajuk "A mí mismo" iaitu tentang diri sendiri dianalisis untuk menganalisis kesilapan yang dilakukan pelajar ketika menggunakan gender gramatikal ini. Pelajar diberi masa selama 45 minit untuk menghasilkan karangan tersebut. Kesilapan akan dianalisis berdasarkan teori Surface Strategy Taxonomy oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982).

Prosedur Analisis Kesilapan dalam Teori Surface Strategy Taxonomy

Selepas selesai menulis, esei pelajar akan dikumpulkan dan pengkaji akan mula menganalisis penulisan tersebut dengan melihat kesilapan penggunaan gender gramatikal dalam ayat yang dihasilkan. Langkah-langkah yang diambil ketika menganalisis adalah seperti yang dikemukakan dalam **Teori Surface Strategy Taxonomy** (1982) dalam Teori Analisis Kesilapan iaitu pengumpulan sampel bahasa pelajar, mengenal pasti kesilapan, keterangan kesilapan, penjelasan kesilapan dan penentuan sumber kesilapan.

Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian terdahulu yang dijalankan memberi tumpuan kepada sistem gender gramatikal dalam pelbagai bahasa menunjukkan bahawa ianya sangat penting dalam pemerolehan bahasa kedua/asling. Konishi (1993) mengatakan terdapat hubungan antara gender gramatikal dengan makna sesuatu perkataan. Secara khususnya, gender natural boleh mempengaruhi cara bagaimana penutur bahasa yang mempunyai ciri-ciri ini melihat entiti tertentu. Tatabahasa kata nama maskulin cenderung untuk dilihat sebagai lebih maskulin dalam makna perkataan tersebut begitu juga dengan kata nama feminin. Finneemann(1992) dan Alarcón (2004) membezakan penggunaan gender dalam tugas yang diberi kepada 69 pelajar universiti yang mempelajari BS mendapati bahawa pelajar dapat memberi jawapan yang betul kepada soalan berkaitan dengan gender gramatikal kepada kata nama (natural gender) daripada kata nama (gender gramatikal-objek tidak hidup) berdasarkan makna kata. Hasil kajian oleh Cain et al. (1987) dan Pérez - Pereira (1991) mendapati pelajar (kanak-kanak) yang mempelajari BS sebagai bahasa pertama lebih menumpukan perhatian kepada pengakhiran morfem "o" dan "a" untuk menggunakan gender gramatikal daripada natural gender. *Trend* yang sama dalam kajian oleh Fernández-García (1999) mendapati bahawa, pelajar lebih tepat menggunakan gender gramatikal dengan kata nama yang berakhir dengan morfem "o" dan "a" daripada kata nama yang berakhir dengan morfem akhiran yang lain. Namun dapatan berbeza bagi golongan dewasa yang mempelajari BS sebagai bahasa kedua yang lebih melihat kepada aspek semantik untuk menggunakan gender gramatikal ini. Kajian Konishi (1993) menunjukkan bahawa bagi kata nama yang mempunyai gender gramatikal maskulin dalam BS dan Jerman adalah lebih dominan walaupun kata yang sama dalam bahasa berbeza adalah kurang dominan. Kajian oleh Tight (2006) seperti juga kajian Konishi (1993) mendapati terdapat hubungan antara gender gramatikal dan gender natural dan ianya boleh mempengaruhi satu sama lain. Penutur asli sesuatu bahasa yang mempunyai sistem gender gramatikal cenderung untuk menerima kata nama gender maskulin yang mempunyai makna maskulin begitu juga dengan kata nama feminin. Dengan kata lain penutur bahasa pertama yang mempunyai satu sahaja gender dalam bahasanya iaitu gender natural lebih menggunakan gender gramatikal maskulin kepada perkataan atau kata nama yang mempunyai konotasi maskulin dan juga feminin. Tanggapan ini sesungguhnya boleh mempengaruhi sistem linguistik (Tight, 2006). Manakala kajian ini berlainan dengan dapatan oleh SurrIDGE (1993), yang mengatakan bahawa penutur bahasa Inggeris yang tidak mempunyai struktur gender gramatikal kerap menghadapi masalah untuk memahami dan mengaplikasikan unsur nahan gender dalam pertuturan dan penulisan mereka.

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

Pelajar Malaysia tidak kira Melayu, Cina, India dan kaum bumiputera yang lain mengalami masalah yang ketara dalam pembelajaran gender gramatikal. Kebanyakan pelajar mengalami kesukaran dalam menggunakan gender gramatikal dalam penghasilan ayat, gagal memadankan artikel dan kata adjektif yang bersesuaian dengan gender kata nama tidak kira samada ianya gender natural atau gramatikal. Pada tahap novis, penguasaan kosa kata yang terhad dan tidak mengetahui makna sesuatu perkataan juga menyebabkan pelajar tidak tahu menggunakan gender gramatikal dengan betul. Selain daripada itu, perbezaan diantara sistem bahasa tersebut dengan bahasa ibunda pelajar juga dianggap penyebab kepada kegagalan pelajar dalam memahami dan menguasai BS dengan baik. Struktur gender gramatikal dalam bahasa pertama dan kedua pelajar adalah jauh lebih mudah dari BS. Kegagalan akan menyebabkan pelajar melakukan kesilapan khususnya di dalam pembentukan ayat-ayat yang gramatis dan ianya dikira sebagai unsur negatif yang mengganggu proses pembelajaran bahasa dan harus dielakkan (Mariyati, 2015). Oleh yang demikian, pengkaji berminat untuk mendedahkan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkaitan dengan isu gender dalam pembelajaran BS dan kesilapan yang dilakukan ketika membina ayat dalam bahasa berkenaan.

Dapatan Kajian

Kesilapan Penggunaan Gender dalam Ayat

Dulay, Burt & Krashen (1982) Menyatakan kesilapan dalam pembelajaran bahasa boleh dikelaskan kepada empat ketegori iaitu pemilihan, pengurangan, penambahan dan penyusunan. Pengkelasan ini dikenali sebagai taksonomi kesilapan Dulay, Burt dan Krashen. Pengkaji akan menganalisis kesilapan gender gramatikal yang dilakukan oleh pelajar menggunakan taksonomi ini tetapi hanya melibatkan pemilihan, pengurangan dan penambahan sahaja. Sebanyak 30 esei para pelajar bertajuk 'A mi mismo/a' dianalisis untuk melihat kesilapan yang dilakukan pelajar. Kefahaman pelajar mengenai penggunaan gender gramatikal ini dilihat dengan mengambil kira kewujudan artikel, kata nama, kata kerja dan kata adjektif di dalam ayat.

Kesilapan Pemilihan Kata Adjektif

Kesilapan pemilihan kata adjektif adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan pemilihan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan kata adjektif	<i>Ella es guapa y trabajador</i> " Dia seorang yang cantik dan rajin" <i>Soy alta y timido</i> " Saya adalah tinggi dan pemalu" <i>La clase es muy interesante y no aburrido</i> " Kelas adalah sangat menarik dan tidak membosankan"

Contoh ayat di atas merujuk kepada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam memilih kata adjektif yang sesuai bagi gender kata nama. Ayat di atas ternyata salah dari penggunaan gender bagi objek bernyawa dan objek tidak bernyawa. Pelajar telah menggunakan kata adjektif maskulin untuk menerangkan kata nama feminin iaitu *trabajador* dan kata adjektif feminin *alta* untuk kata nama maskulin. Manakala bagi ayat seterusnya iaitu *La clase es muy interesante y no aburrido*, pelajar juga memilih kata

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

adjektif maskulin untuk menerangkan kata nama feminin iaitu *la clase*. Pengaruh bahasa pertama dan kedua juga dilihat di mana kata adjektif yang sama digunakan untuk kedua gender menyebabkan pelajar mengaplikasikan peraturan yang sama dalam BS.

Kesilapan pemilihan artikel adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan pemilihan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan artikel	<i>Soy (chica) un estudiante de inglés</i> " saya seorang pelajar bahasa Inggeris" <i>Tienen una características</i> "Mereka mempunyai banyak perangai "

Pengkaji menyifatkan kesilapan membubuh artikel pada kata nama disebabkan ketidak pekaan pelajar terhadap atribusi gender gramatikal dan ketidak pastian pelajar terhadap gender kata nama. Pelajar meletakkan artikel maskulin pada kata nama (objek bernyawa) feminin dan artikel tunggal bagi kata nama *jamak* (objek tidak bernyawa). Contoh di atas adalah ayat yang dihasilkan pelajar menunjukkan kesilapan pemilihan artikel *un* untuk menerangkan kata nama feminin sedangkan artikel yang betul adalah *una*. Ayat seterusnya menunjukkan pelajar menggunakan artikel *una* (artikel tunggal) untuk dipadankan dengan kata nama jamak.

Kesilapan pemilihan kata kerja adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan pemilihan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan kata kerja	<i>Soy feliz si Shah Rukh Khan</i> " saya berasa gembira jika Shah Rukh Khan..." <i>Mi siento seguro cuando mi padre es de alrededor....</i> " Saya rasa selamat bila ayat saya berada di sekeliling..."

Kesilapan pemilihan kata kerja juga berlaku dalam ayat yang mempunyai penggunaan gender gramatikal. Dalam ayat di atas, untuk menyatakan rasa gembira, kata kerja *estar* digunakan bukan kata kerja *ser*. Hal ini berlaku kerana maksud kedua kata kerja ini adalah sama tetapi penggunaan dalam ayat adalah berbeza. Ayat yang betul adalah *estoy feliz si Shah Rukh Khan...*, manakala dalam ayat *Mi siento seguro cuando mi padre es de alrededor....* sekali lagi pelajar keliru dengan kata kerja *ser* da *estar*. Ayat yang tepat adalah *me siento seguro cuando mi padre esta a mi lado'* " Saya rasa selamat sekiranya ayah saya berada di samping saya".

Kesilapan Pengurangan

Kasper dan Kellerman (1997) menyatakan bahawa kesilapan pengurangan selalunya berlaku pada awal tahap pembelajaran. Pelajar telah melakukan pengguguran unsur-unsur yang perlu sewaktu membina ayat dalam BS. Dalam kajian ini, pengkaji menyifatkan pengurangan berlaku sebagai satu kesilapan meninggalkan atribusi sesuatu elemen bergender gramatikal yang dikaitkan dengan kata nama yang digunakan dalam ayat tersebut.

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

Kesilapan pengurangan artikel adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan pengurangan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan artikel	<i>Me gusta español porque es interesante</i> "saya suka bahasa Sepanyol sebab ia menarik" <i>jugar futbol</i> "bermain bola sepak"

Di dalam BM, ayat "saya suka bahasa Sepanyol sebab ia menarik", artikel '*el*' pada perkataan *español* tidak diperlukan. Namun dalam BS, artikel adalah sesuatu yang tidak boleh digugurkan. Oleh yang demikian, ayat di atas memerlukan kehadiran artikel '*el*' sebelum kata nama '*español*' untuk melengkapkan ayat tersebut menjadi *me gusta el español porque es interesante*. Begitu juga dengan ayat *jugar el futbol*, artikel *el* perlu hadir bersama kata nama dan tidak boleh ditinggalkan.

Kesilapan pengurangan kata kerja adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan pengurangan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan kata kerja	<i>Casa muy bonita</i> "rumah itu sangat cantik" <i>Ella simpática</i> "Dia baik" <i>Mi madre amable, agradable y guapa</i> "Ibu saya baik, menyenangkan dan cantik"

Pelajar telah mengugurkan penggunaan kata kerja dalam ayat di atas, sedangkan kata kerja itu perlu hadir bagi melengkapkan ayat tersebut. Pelajar terpengaruh dengan BM yang boleh mengugurkan kata kerja dalam ayat 'rumah sangat cantik' 'dia baik dan ibu saya baik, menyenangkan dan cantik'. Pelajar telah mengugurkan kata kerja '*es*' bagi ketiga-tiga ayat yang bermaksud **adalah** dalam BM. Kesilapan berlaku adalah disebabkan oleh kealpaan pelajar terhadap atribusi artikel pada kata nama dan kata kerja serta pengaruh bahasa dominan dalam membentuk ayat (Hazlina & Azidan, 2011).

Kesilapan Penambahan

Kesilapan penambahan dalam taksonomi kesilapan Dulay, Burt & Krashen (1982) adalah merujuk kepada penggunaan secara berleluasa peraturan tertentu. Kesilapan boleh terjadi akibat regularisasi, terlepas pandang, pengecualian, mengaplikasikan sesuatu bukan pada tempatnya serta memasukkan elemen yang tidak perlu.

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

Kesilapan penambahan artikel adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan penambahan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan artikel	<p><i>Mi hermano menor, es tambien el estudiante</i> " adik bongsu saya juga adalah pelajar"</p> <p><i>Hay siete los miembros en mi familia</i> " Terdapat 7 orang ahli dalam keluarga saya"</p> <p><i>Soy un cristiano</i> " saya seorang kristian"</p>

Berlaku penambahan artikel 'el' dalam ayat *mi hermano menor, es tambien el estudiante*. Artikel tersebut merupakan penggunaan secara berleluasa yang diberikan kepada kata nama tanpa memahami keseluruhan makna ayat yang dihasilkan. Tanpa pelajar sedari ayat yang dihasilkan tidak gramatis dan pelajar memasukkan elemen yang tidak perlu. Begitu juga dengan ayat *Hay siete los miembros en mi familia*. Artikel (yang telah ditetapkan) *los* tidak boleh hadir dengan kata kerja *hay*. Bagi ayat seterusnya iaitu *Soy un cristiano*, artikel tidak perlu diletakkan, cukup hanya dengan menggunakan kata kerja *Soy* "**saya adalah**" dan diikuti dengan kata adjektif *cristiano*.

Kesilapan penambahan kata kerja adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan penambahan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan kata kerja	<p><i>Yo soy es baja y gorda también</i> " Saya adalah rendah dan juga gemuk"</p> <p><i>Es esta senora es mi madre</i> "perempuan ini adalah ibu saya"</p>

Begitu juga yang berlaku pada ayat *yo soy es baja y gorda tambien*. Pengandaan kata kerja *soy* '**saya adalah**' dan *es* '**dia adalah**' dalam ayat yang sama menunjukkan ketidak pekaan pelajar dalam mengaplikasikan gender gramatikal dengan padanan atribusi yang sesuai. Kemungkinan pelajar juga terlepas pandang dengan menggunakan kedua kata kerja dalam ayat yang sama. Kesilapan yang sama berlaku pada ayat 11 di mana pelajar menggunakan dua kata kerja dalam ayat yang sama. Kata kerja '*es*' (dia adalah) tidak diperlukan kerana pelajar hendak membina ayat 'perempuan ini adalah ibu saya.

Kesilapan penambahan kata ganti diri adalah seperti berikut:

Jenis kesilapan penambahan	Kesilapan dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Kesilapan kata kerja	<p><i>La tu casa es grande y bonita</i> "Rumah itu besar dan cantik"</p> <p><i>Mi es baja</i> " dia adalah rendah"</p>

Penambahan kata ganti diri juga berlaku dalam pembinaan ayat oleh pelajar dalam atribusi gender gramatikal. Dalam kes ini, pengkaji beranggapan pelajar tidak pasti penggunaan yang betul dalam merujuk kepada kata nama yang hendak digunakan menyebabkan pelajar tidak membina ayat dengan tepat menggunakan kata nama walaupun kata adjektif dan kata kerja yang digunakan adalah betul.

Kesimpulan

Kajian ini secara kesimpulannya memberi fokus kepada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menggunakan gender gramatikal ketika menstruktur ayat dalam BS. Dapatan menunjukkan pelajar tidak menyedari betapa pentingnya atribusi gender gramatikal pada kata nama, kata adjektif dan artikel begitu juga dengan kata kerja. Kesilapan sebegini tidak akan dilakukan oleh penutur asal dan tidak akan dimaafkan (Surrige, 1995). Pengaruh bahasa pertama dan kedua pelajar juga mempengaruhi pelajar dalam menguasai pembelajaran gender gramatikal dengan baik. Sistem bahasa ibunda dan bahasa kedua yang ternyata berbeza dengan BS juga akan mempengaruhi pelajar terutama pada awal pembelajaran. Lado (1957) mengatakan pelajar cenderung memindahkan tabiat bahasa pertama ke dalam bahasa baharu yang dipelajari. Persamaan bahasa antara keduanya akan memudahkan pelajar tetapi perbezaan akan menyebabkan pelajar gagal untuk menguasai bahasa yang dipelajari dengan baik. Dalam hal ini bahasa kedua pelajar iaitu bahasa Inggeris juga turut mempengaruhi cara pelajar berfikir. Pelajar mencari persamaan B2 untuk diterapkan ke dalam pembelajaran bahasa asing mereka dan timbullah pelbagai masalah yang datang dari bahasa dominan dan bahasa sasaran mereka (Hazlina, 2013).

Cadangan dan Strategi

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menyenaraikan beberapa strategi untuk membantu pelajar mengenali kata nama dalam BS samada ianya maskulin atau feminin.

1. Bagi objek bernyawa seperti manusia dan binatang, kata nama yang berakhir dengan 'o' adalah maskulin. Terdapat 99.7% kata nama yang berakhir dengan 'o' adalah maskulin. Contoh: el chico (budak lelaki itu) el gato (kucing jantan itu)
2. Bagi objek bernyawa seperti manusia dan binatang, kata nama yang berakhir dengan 'a' adalah feminin. Terdapat 98.9% kata nama yang berakhir dengan 'a' adalah feminin.
Contoh: la chica (budak perempuan itu), la gata (kucing betina itu)
3. Berhati-hati dengan perangkap gender. Perkataan yang berasosiasi dengan lelaki/jantan atau perempuan/betina tidak semestinya maskulin atau feminin. sebagai contoh: la corbata (tali leher) adalah feminin dan el maquillaje (alat solek) adalah maskulin.
4. Apabila kata nama jamak iaitu campuran antara maskulin dan feminin dirujuk, kata nama maskulin akan digunakan tidak kira dalam kumpulan campuran itu feminin lebih mendominasi. Contoh: Un niño (seorang budak lelaki) + tres niñas (tiga orang budak perempuan) = cuatro **niños** (empat orang budak).
5. Kata nama maskulin yang berakhir dengan konsonan (bukan vokal) untuk pekerjaan mempunyai kata nama feminin yang berakhir dengan morfem 'a'.
Contoh: el profesor (pensyarah lelaki) - la profesora (pensyarah perempuan)
el señor (Encik itu) - la señorita (cik itu) atau la señora (puan itu).
6. Sebahagian kata nama yang merujuk kepada profesyen (pekerjaan) dalam BS boleh digunakan untuk maskulin dan feminin cuma artikel sahaja yang diubah.
Contoh : **el** piloto (juruterbang lelaki itu) - **la** piloto (juruterbang perempuan itu).

KESILAPAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL DALAM MENSTRUKTUR

7. Akhiran khusus merujuk kepada perkataan yang berakhir dengan morfem berikut -sión, -ción, -dad, -tud dan -umbre adalah 100% kata nama feminin.
Contoh : la televisión (televisyen itu) , la habitación (bilik itu) , la ciudad (bandar itu) , la juventud (zaman remaja itu), la costumbre (kebiasaan itu).
8. Kata nama yang berakhir dengan -ma memerlukan artikel maskulin.
contoh: el problema (masalah itu), el sistema (sistem itu), el tema (tema itu), el enigma (orang atau sesuatu yang sukar difahami itu).
9. Kata nama pengecualian merujuk kepada kata nama yang berakhir dengan 'a' adalah maskulin dan kata nama yang berakhir dengan 'o' adalah feminin.
Contoh : el día (hari itu), el mapa (peta itu), el planeta (Planet itu)
la mano (tangan itu), la radio (radio itu) la foto (foto itu)
10. Kata nama lain berakhir dengan vokal atau konsonan lain memerlukan pelajar menghafal dan mengingatnya. Contoh : la vez (masa itu), el lápiz (pensil itu), la clase (kelas itu), el café (kopi itu) dan lain-lain.
11. Apabila menghasilkan ayat menggunakan gender gramatikal, pelajar harus peka terhadap kesemua atribusi pada kata nama, kata sifat dan artikel termasuk juga kata ganti diri. Begitu juga apabila kata nama tersebut dalam bentuk jamak. Setiap atribusi harus dijamakkan.
Contoh : la casa es grande y bonita (Rumah itu besar dan cantik) - las casas son grandes y bonitas (Rumah-rumah itu besar dan cantik).

Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu tenaga pengajar yang mengajar BS untuk merancang pengajaran dengan teliti agar gender gramatikal lebih mudah dikuasai pelajar dan membantu meminimumkan kesilapan yang dilakukan pelajar apabila menggunakannya dalam menstruktur ayat BS dan seterusnya membantu dalam pengajaran dan pembelajaran BS di Malaysia.

Rujukan

- Alarcón, Irma. 2004. The sequential acquisition of L2 Spanish gender marking: assignment and agreement. Indiana University Linguistics Club Working Papers Online 4 [article 7]: <https://www.indiana.edu/~iulcwp/>
- Asmah Hj. Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Cain, Jacquelin; Marcia Weber-Olsen; and Rosslyn Smith. 1987. Acquisition strategies in a first and second language: are they the same? *Journal of Child Language* 14.333-52.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Corbett, G. (1991). *Gender: A comprehensive look at 200 languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dawson, M.L., Farrel, J. R., Gonzalez, T (2004). *Dicho y Hecho Beginning Spanish 7th Edition* : Von Hoffmann Press.
- Dulay, H.C., Burt, M., Krashen, S. (1982). *Language two*. New York: Oxford University Press.
- Fernández-García, Marisol. 1999. Patterns of gender agreement in the speech of second language learners. *Advances in Hispanic linguistics: papers from the 2nd Hispanic Linguistics Symposium*, ed. by Javier Gutiérrez-Rexach and Fernando Martínez-Gil, 3-15. Somerville, MA: Cascadilla Press.
- Finnemann, Michael D. 1992. Learning agreement in the noun phrase: the strategies of three first-year Spanish students. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 30.121-36.